

NO. SOALAN : 90

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG**  
**KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO MAHFUZ OMAR**  
**[ POKOK SENA ]**  
**TARIKH** : **7 OGOS 2017 ( ISNIN )**

**Dato' Mahfuz Omar [ POKOK SENA ]** meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) apakah punca kemelut dalam Felda Global Ventures (FGV) sehingga menyebabkan Tan Sri Isa Samad meletak jawatan sebagai Pengerusi FGV dan apakah langkah-langkah yang dibuat oleh Kerajaan untuk mengembalikan kerugian yang dialami oleh pelabur-pelabur khususnya pihak peneroka yang membeli saham FGV semenjak ianya disenaraikan di Bursa Malaysia; dan
- (b) apakah keuntungan membeli 30% saham PT Eagle Indonesia yang diperolehi Felda Global Ventures (FGV).

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perlu dijelaskan di sini bahawa perletakan jawatan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad dari jawatan Pengerusi FGV adalah atas urusan peribadi beliau dan bukannya disebabkan kemelut yang melanda FGV.

Perkembangan semasa isu FGV adalah bersifat sementara dan proses siasatan terhadap empat pengurusan kanan FGV adalah proses biasa yang dilakukan oleh mana-mana syarikat jika terdapat perkara-perkara yang meragukan. Ketika ini proses siasatan dalaman FGV masih berlangsung dan syarikat berkenaan akan membuat kenyataan umum jika terdapat sebarang perkembangan terbaharu.

Menjawab pertanyaan mengenai kerugian peneroka yang memiliki saham FGV, dalam membantu meringankan beban peneroka, pada 1 Oktober 2012 FELDA telah menebus jumlah saham yang dipegang oleh peneroka sebanyak 800 unit bagi setiap peneroka pada harga kos RM3,560 dan tidak termasuk fi serta cas-cas perkhidmatan bank yang lain untuk setiap peneroka. Melalui penebusan ini, peneroka diberi kemudahan pinjaman tanpa faedah dengan kadar pembayaran balik serendah RM50 sahaja

sebulan untuk selama 76 bulan (6 tahun dan 4 bulan). Peneroka juga dibenarkan membuat jualan dan berhak untuk mendapat dividen yang diisytiharkan oleh FGV. Terkini, Kerajaan telah mengumumkan enam insentif kepada peneroka sempena Hari Peneroka pada 24 Julai 2017, antaranya adalah Kerajaan mengumumkan pelupusan sebahagian baki pinjaman saham FGV dengan kadar ringgit ke ringgit. Bagi peneroka yang telah habis membayar pinjaman pula, ganjaran tunai RM1,820 diberikan.

Justeru, sudah tidak menjadi sebarang isu saham FGV memberi beban kepada Peneroka lagi malahan mereka akan terus menerima dividen yang diisytiharkan oleh FGV setiap tahun. Jumlah pemberian dividen yang telah diterima oleh peneroka FELDA yang memegang saham FGV sebanyak 800 unit bagi setiap peneroka sehingga kini adalah sebanyak RM360.00. Selain itu, FELDA juga telah mengagihkan pendapatan dividen FGV yang diterima melalui pegangan 20% saham FGV kepada peneroka yang layak. Jumlah keseluruhan pemberian dividen berkenaan sehingga kini adalah sebanyak RM 254,505,236.86.

Berkenaan dengan keuntungan yang diperolehi FGV apabila membeli saham PT Eagle High, FGV telah mengeluarkan kenyataan kepada Bursa Malaysia dan Media pada Disember 2016 bahawa syarikat telah membatalkan cadangan pembelian berkenaan.

Sekian. Terima kasih.